



# Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ISSN 1985 - 4706



## KANDUNGAN

**MENANG SATU EMAS, 4 PERAK DAN 4 GANGSA DI EXPO TEKNOLOGI MALAYSIA 2008**

**TAHNAH KEPADA MAHASISWA/SISWI YANG DIANUGERAHKAN SIJIL ANUGERAH DEKAN**

**PENA KETUA EDITOR**

**KARNIVAL KERJAYA UTeM**

**MAJLIS MALAM AMAL SEMPERNA KONVENSYEN KESIHATAN WANITA**

**UTeM ANJUR MESYUARAT GABUNGAN MAJLIS PRESIDEN DAN SETIAUSAHA KEHORMAT KESATUAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA (GAKUM) KE 26**

**DIARI UTeM - MAC 2008**

**AKTIVITI-AKTIVITI UTeM - APRIL 2008**

**PROGRAM LARIAN UTeM JOGATHON 2008**

**HARI MERCU KOKURIKULUM**

**EDITOR BERITA@UTeM**

**KETUA EDITOR :**  
PUAN KALTHOM BINTI HUSAIN

**EDITOR JEMPUTAN :**  
ENCIK MAHADI BIN ABU HASAN  
ENCIK MOHAMAD YUSOF BIN MOHAMAD DAN

**WARTAWAN :**  
CIK FARADILLA BINTI MD. YUSOF  
CIK AIDA BINTI SALLEH  
ENCIK RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN

**GRAFIK & REKALETAK :**  
PUAN AZIZA MD BUANG

**JURUFOTO :**  
ENCIK MD. NOR BIN MOHAMAD SALEH  
PUAN NURULIDAYU BINTI TALIB  
ENCIK MOHD FARID BIN SUPANGI

**PENGEDARAN :**  
PUAN MASWATEE BINTI ABDUL GHAFFAR  
PUAN MARSITAH BINTI ABU BAKAR

**URUS SETIA :**  
PUAN  
azlin

LG  
173  
.M44  
.B47  
2008  
a  
Mar



## UTeM MENANG SATU EMAS, 4 PERAK DAN 4 GANGSA DI EXPO TEKNOLOGI MALAYSIA 2008



**21 Feb 2008 : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** telah memenangi satu pingat emas, 4 perak dan 4 gangsa di Expo Teknologi Malaysia 2008 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 21 hingga 23 Februari lalu

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd. Diah, UTeM telah menghantar sebanyak 14 buah projek penyelidikan untuk dipamerkan dan di pertandingan. Menurut beliau lagi expo ini adalah anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang telah disertai oleh penyelidik-penyelidik dari IPTA/IPTS dan pusat-pusat penyelidikan seluruh negara. Antara objektif expo ini ialah menilai kemampuan setiap penyelidik dalam menjalankan penyelidikan dan memberi penghargaan kepada penyelidik-penyelidik yang berjaya di samping mempromosikan UTeM di mata masyarakat. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Anihan bin Hj A. Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

# TAHNIAH kepada Mahasiswa/siswi yang dianugerahkan SIJIL ANUGERAH DEKAN



**5 Mac 2008** : Ballroom Melaka International Trade Centre (MITC). Sijil Anugerah Dekan dianugerahkan kepada pelajar-pelajar UTeM yang mendapat GPA 3.5 ke atas. Sijil ini merupakan satu penganugerahan Fakulti dan Universiti terhadap kecemerlangan pelajar dalam bidang Akademik masing-masing. Penganugerahan Sijil Anugerah Dekan ini merupakan satu pengiktirafan Fakulti dan Universiti kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kegigihan, ketekunan, dedikasi dan komitmen penuh kepada pelajaran.

Seramai 289 orang pelajar akan menerima Sijil Anugerah Dekan untuk Semester II Sesi 2006/2007 dan 420 orang untuk Semester I Sesi 2007/2008.

**Semester II Sesi 2006/2007**

1. FKE - 88 orang pelajar
2. FKEKK - 92 orang pelajar
3. FKM - 35 orang pelajar
4. FKP - 52 orang pelajar
5. FTMK - 22 orang pelajar

**Semester I Sesi 2007/2008**

1. FKE - 92 orang pelajar
2. FKEKK - 103 orang pelajar
3. FKM - 50 orang pelajar
4. FKP - 92 orang pelajar
5. FTMK - 83 orang pelajar

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan	No. Panggilan
MECHD	LG 173
Tarikh	.M44 .B47
14 MAY 2008	

LG173.M44 .B47 2008 Mar



## Pena Ketua Editor

Assalamualaikum wa-Rahmatullahi wa-Barakatuh dan Salam Sejahtera

Segala pujian bagi ALLAH SWT yang mengizinkan penerbitan Berita@UTeM edisi bulan Mac 2008.

Berita@UTeM kembali menemui para pembaca dalam edisi Mac 2008. Memang menjadi hasrat sidang redaksi Berita@UTeM merakamkan semaksimum mungkin program atau aktiviti yang dilalui oleh warga UTeM. Namun hasrat ini hanya mampu diterjemahkan apabila penganjur program di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) memaklumkan dan mengemukakan catatan kepada urus setia Berita@UTeM

Rakaman peristiwa dalam edisi kali ini akan terpahat di hati dan terakam di minda kerana rakaman peristiwa ini bukti sokongan dan kesepaduan kerjasama seluruh warga UTeM. Sidang Redaksi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua PTJ dan



sambungan dari mukasurat 01

Pingat emas UTeM telah dimenangi oleh Muhammad Herman bin Jamaluddin dan Shahrir bin Alias dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan produk bertajuk *Digital Advertisement Display System Via SMS (DADS 2000)* manakala pingat perak di memenangi oleh Prof. Dr. Md. Dan bin Md. Palil - Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (*Design of Shell Helmet Mold Using Conventional Method*), Dr. Khisbullah Hudha, Hilmi Amiruddin, Mohd Zakaria Mohd Nasir, Ubaidillah and Sisu Arman Amir - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (*Development of a New Modified Full Scale Quarter Car Test Rig for Vehicle Ride Analysis*), Dr. Mohd Yusoff Sulaiman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (*LPG System for Automotive Vehicle*) dan Taufik Ismail dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (*Single Led Bending Machine Fixture*)

Gangsa pula dimenangi oleh Izwan Azrul b. Rasli dan Ahmad Zaki b. Hj. Shukor dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (*Water Valve Controller*), Mohd Shahrivel Mohd Aras, Norhafiz Salim dan Muhammad Herman Jamaluddin, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (*Dielectric Resonator Antenna*), Wan Hazwani binti Wan Hassan, Fariz bin Ali @ Ibrahim, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (*Songkok Ventilation System*) dan Ahmad Anas Yusof dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (*Variable Speed Hydraulic Power Trainer*)

"Dengan kejayaan yang dicapai ini dapat dibuktikan bahawa UTeM boleh berdiri sama setaraf dengan universiti yang ternama di negara ini" kata Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).



**KARNIVAL KERJAYA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**



**26 Mac 2008** - Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Karnival Kerjaya UTeM bertempat di Kampus Industri UTeM, Ayer Keroh, Melaka. Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini bermula pada 26 Mac 2008 sehingga 28 Mac 2008 dianjurkan khusus kepada bakal graduan UTeM bagi menyediakan mereka untuk berhadapan dengan pasaran kerjaya yang semakin mencabar kini.

Karnival yang bertemakan 'Exploring New Opportunities' itu telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Ismail bin Hassan pada hari pertama karnival. Dalam ucapannya, beliau menyeru semua bakal graduan UTeM untuk mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran yang berguna dan mempunyai sahsiah diri yang sempurna supaya mereka menepati kehendak pasaran semasa. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang telah berjaya menganjurkan karnival yang amat bermanfaat itu selain mengucapkan terima kasih kepada pihak industri yang turut terlibat dalam karnival tersebut. Turut hadir pada majlis perasmian karnival tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Dekan Hal Ehwal Pelajar yang juga penasihat jawatankuasa pelaksana karnival tersebut.

Matlamat utama penganjuran karnival itu adalah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada bakal graduan UTeM berkaitan realiti sebenar dunia pekerjaan. Selain itu, karnival itu juga diharapkan dapat menjadi medan pertemuan antara pihak industri dan juga pihak universiti agar bakal graduan yang dihasilkan nanti akan menjadi pilihan di kalangan majikan.

Antara aktiviti yang dianjurkan semasa karnival itu ialah pameran kerjaya oleh pihak industri dan syarikat, ceramah, seminar dan temuduga terbuka untuk bakal graduan UTeM oleh pihak industri. Karnival itu turut disertai oleh lebih 15 buah syarikat dan pihak industri. Penganjuran karnival tersebut sememangnya telah berjaya menjadi jambatan penghubung antara mahasiswa UTeM dan pihak industri. Ia juga dapat memberi pendedahan kepada siswa siswi UTeM kepada dunia luar yang kini semakin global seiring dengan perkembangan pesat yang dialami negara.



# MAJLIS MALAM AMAL sempena KONVENSYEN KESIHATAN WANITA

**14 Mac 2008** : Persatuan Wanita dan Isteri Staf UTeM (Sri Kesidang) dengan kerjasama Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah menganjurkan Majlis Malam Amal Sempena Konvensyen Kesihatan Wanita di Hotel Holiday Inn, Banda Hillir, Melaka mulai jam 8.00 malam.

Tujuan utama majlis ini adalah bagi mengumpul dana untuk membantu pesakit kanser yang kurang berkemampuan melalui aktiviti jualan meja serta mempromosi UTeM dengan program-program yang dianjurkan bersama masyarakat luar. UTeM merupakan IPTA pertama yang menganjurkan program seperti ini. Turut hadir ialah Y.A.Bhg. Toh Puan Zurina bt. Kassim isteri kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Melaka, Penaung Sri Kesidang Y.Bhg. Datin Khayatee bt. Adnan, Naib Canselor UTeM Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan, pegawai-pegawai kanan serta wakil-wakil syarikat penderma.

Antara acara yang menarik pada malam tersebut ialah persembahan artis popular dari Nurul dan Roy, persembahan kebudayaan dari pelajar UTeM, cabutan bertuah serta pemberian cenderamata kepada para jempunan.



## UTeM anjur MESYUARAT GABUNGAN MAJLIS PRESIDEN DAN SETIAUSAHA KEHORMAT KESATUAN KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA (GAKUM) KE 26

**11 Feb 2008** : Kesatuan Kakitangan UTeM (KEKUTeM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Mesyuarat Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (GAKUM) ke 26 pada 11-13 Februari yang lalu di Kampus Industri, Ayer Keroh Melaka. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan.

Menurut Presiden KEKUTeM Encik Jamal Abdul Nasir, mesyuarat ini telah dihadiri seramai 100 orang wakil-wakil kesatuan seluruh IPTA tanah air. UTeM telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi mesyuarat kali ini di mana ianya dianjurkan secara bergilir setiap IPTA. Turut hadir adalah Presiden CUEPACS Tuan Hj. Omar bin Osman yang juga merupakan Presiden GAKUM. Beliau juga mengadakan dialog bersama staf UTeM pada 13 Februari di tempat yang sama.

Delegasi mesyuarat juga dibawa melawat ke Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal dan dijamu pada sebelah malamnya di Restoran Ikan Bakar di Umbai, Melaka.



## DIARI UTeM-MAC 2008

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	UTeM Jogathon 2008	2 Mac 2008	Kampus Industri Sehingga Kompleks Sukan UTeM	HEPA
2.	Lawatan oleh LA Trobe University & Swinburne University of Technology Ke UTeM	4 Mac 2008	Billik Mesyuarat Canselori	BPAA
3.	Majlis Anugerah Dekan Sesi 2 2006/2007 & Sesi 1 2007/2008	5 Mac 2008	Melaka International Trade Centre (MITC)	HEPA
4.	Kursus Induksi Umum & Khusus Kumpulan Sokongan Gred 1-17 Siri 1/2008	6 Mac 2008	Seri Malaysia	Pej Pendaftar
5.	Perhimpunan Bulanan Bil 2/2008	12 Mac 2008	Kafeteria Kampus Industri, UTeM	PPP
6.	Kolokium Pembangunan Islam	12 Mac 2008	Dewan UTeM 1, Ayer Keroh	Pusat Islam
7.	Konvesyen MAKNA	14 Mac 2008	Dewan UTeM 1, Ayer Keroh	PUSPANITA UTeM
8.	Majlis Malam Amal Kesidang Bersama MAKNA	14 Mac 2008	Holiday Inn Hotel, Melaka	Sri Kesidang
9.	Perlawanan Bola Sepak Akhir Kejohanan Sukan Antara Jabatan UTeM 2008	18 Mac 2008	Stadium Kampus Induk, Durian Tunggal	BAKUTeM
10.	Program Perguruan Bos & Diari untuk Setiausaha	19 - 22 Mac 2008	Pantai Cahaya Bulan, Kelantan	Pej. Pendaftar
11.	Hari Mercu Ko-Kurikulum	19 Mac 2008	Kafeteria Kampus Industri, UTeM	Unit Ko-Kurikulum
12.	Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka	20 Mac 2008	Stadium Hang Tuah, Melaka	Pusat Islam
13.	Ceramah Agama Sempena Maulidur Rasul 1429H/ 2008	20 Mac 2008	Masjid Al-Alami	HEPA & Pusat Islam
14.	M.O.U. - UTeM dan East Africa University	21 Mac 2008	Dewan UTeM 1, Ayer Keroh	Pej. Canselori
15.	Kursus Pra Perkahwinan	22 Mac 2008	Dewan UTeM 1, Ayer Keroh	Pusat Islam
16.	Bola Sepak UTeM Lawan UNIKL	22 Mac 2008	Kompleks Sukan, UTeM	Unit Sukan
17.	Majlis Maulidur Rasul UTeM dan Sek. Men. Ayer Keroh	22 Mac 2008	Sek. Men. Ayer Keroh	Pusat Islam
18.	Program Bengkel Tarian Etnik Negeri Melaka MAKUM 2008	23 Mac 2008	Taman Mini, Melaka	HEPA
19.	Perasmian Ekspo Pameran UTeMEX 08	26 - 28 Mac 2008	MITC	UNIC
20.	Kursus Proficiency English Elementary	28 - 30 Mac 2008	Le Paris Hotel, Port Dickson	Pej Pendaftar
21.	Mesyuarat Agong Tahunan Kali Ke 4 BAKUTeM	28 Mac 2008	Dewan UTeM 1, Ayer Keroh	BAKUTeM
22.	Kursus Penganjuran Pengadil & Kepegawaian Sukan UTeM 2008	29 - 30 Mac 2008	Pusat Sukan, UTeM	Pusat Sukan, Canselori
23.	Kejohanan Liga Bolasepak MASUM 2008	29 Mac 2008	Stadium Sukan	Pusat Sukan, Canselori
24.	Lawatan Pasukan Solar Taxi World Tour Ke UTeM	29 Mac 2008	Kampus Industri	Canselori

## AKTIVITI-AKTIVITI UTeM-APRIL 2008

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	Sidang Media Pemenang Robocon	1-Apr-2008	Kampus Industri	Canselori
2.	Laporan Tahunan 2007 Edisi Bahasa Melayu	2 - 4 April 2008	Hotel M-Suite, Johor Bahru	BPAK
3.	Jemputan Majlis Hi-Tea bersama AJK Program Majlis Malam Amal Sri Kesidang bersama MAKNA	4-Apr-08	Kampus Industri	Sri Kesidang
4.	Lawatan Delegrasi Ministry Of Education Republic Of China Ke UTeM	7-Apr-2009	Kampus Industri	BPAA
5.	Bengkel Latihan Asertif 2008	4 - 6 April 2008	Le Paris Hotel Port Dickson	Pendaftar
6.	Perhimpunan Bulanan UTeM Bil. 3/2008	8-Apr-2008	Kampus Industri	PJKA
7.	Taklimat TNCA kepada Penolong Pendaftar UTeM	8-Apr-2008	Kampus Industri	Pendaftar
8.	Kursus Perubatan Islam Siri 1/2008	9-Apr-2008	Kampus Industri	Pusat Islam
9.	Program Ketrampilan Graduan	10-Apr-2008	Kampus Industri	PBPI
10.	Lawatan Tun Canselor, Naib Canselor & Timbalan Naib Canselor Ke Korea 2008	13-Apr-2008	KLIA	Canselori
11.	Mesyuarat Majlis Sukan ASEAN (SUA)	18-Apr-2008	Dewan Konvesyen, Kampus Bandar	HEPA
12.	Majlis Penyerahan Sumbangan Malam Amal Sri Kesidang Bersama MAKNA dan Penyerahan Laporan Konvesyen Kesihatan Wanita	22-Apr-2008	Kafeteria UTeM,	Sri Kesidang
13.	Laporan Tahunan 2007 Edisi Bahasa Inggeris	20 - 22 April 2008	Corus Paradise, Port Dickson	BPAK



## PROGRAM LARIAN UTeM JOGATHON 2008

**2 Mac 2008 (AHAD)**, Bermula di Kampus Industri Cubic ke Kompleks Sukan UTeM. Program ini dianjurkan dengan usaha sama JAKSIS Kolej Kediaman bersama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Pusat Sukan UTeM, Canselori dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UTeM).

UTeM Jogathon 2008 merupakan satu medium integrasi antara kaum yang dapat merapatkan hubungan sesama mahasiswa dengan cara yang sihat. Peranan sukan amat penting membentuk insan yang bukan sahaja sihat dan cergas tetapi ia juga merupakan medium mencapai perpaduan dalam komuniti yang terdiri dari pelbagai latar belakang bangsa dan budaya.

Di peringkat universiti, ianya merupakan salah satu cara mahasiswa dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan mengikuti program berbentuk kesukanan yang secara tidak langsung akan mempromosikan gaya hidup sihat. Penganjuran kejohanan UTeM Jogathon 2008 kali pertama ini merupakan medan terbaik untuk mahasiswa dan staf universiti dapat bersama-sama beribadah dan secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan di kalangan mahasiswa dan staf universiti.

Seramai 800 orang peserta mewakili semua iaitu :

- Kolej Kediaman UTeM-Murni (200 orang pelajar)
- Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya (200 orang pelajar)
- Kolej Kediaman UTeM TTU (200 orang pelajar)
- 100 orang peserta mewakili staf-staf UTeM (Senior dan Veteran)
- 100 orang peserta mewakili mahasiswa/i UTeM yang tinggal di luar Kolej Kediaman.

### HADIAH

1. Hadiah tempat pertama - Wang tunai RM200.00 beserta pingat emas
2. Hadiah tempat kedua - Wang tunai RM150.00 beserta pingat perak
3. Hadiah tempat ketiga - Wang tunai RM100.00 beserta pingat gangsa
4. Hadiah tempat 4 hingga 30 - Hamper bernilai RM20.00

Senarai nama-nama pemenang mengikuti kategori adalah seperti berikut :-

### Kategori Mahasiswa

1. Tempat Pertama - Mohammad Zaheen bin Abd Rashid - FKM
2. Tempat Kedua - Hapiz bin Shahril - FKE
3. Tempat Ketiga - Mohd Hafizudin bin Othman - FKM

### Kategori Mahasiswi

1. Tempat Pertama - Nurul Hikma binti A.Radzak - FKEKK
2. Tempat Kedua - Mahirah binti Mohamad - FKE
3. Tempat Ketiga - Azni binti Ahmad - FTMK

### Kategori Veteran Lelaki (Staf)

1. Tempat Pertama - Tan Kim See - FKEKK
2. Tempat Kedua - Abdul Aziz bin Abu Bakar - Canselori
3. Tempat Ketiga - Kasron bin Beseth - Pejabat Pendaftar

### Kategori Lelaki (Staf)

1. Tempat Pertama - Mohd Syarizal bin Mohd Razali - Pejabat Pendaftar
2. Tempat Kedua - Mustafah bin Abd. Malek - Pejabat Pendaftar
3. Tempat Ketiga - Shamsul Bahari bin Azraai - Jabatan Pengajian Siswazah

### Kategori Staf Wanita / Veteran Wanita

1. Tempat Pertama - Rozana binti Muhammad
2. Tempat Kedua - Hashimah binti Hashim
3. Tempat Ketiga - Norida binti Abdullah



# HARI MERCU KOKURIKULUM

## SEMESTER II SESI 2007/2008

**19 Mac 2008** - Jabatan Pengajian Ko-kurikulum, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah menganjurkan Hari Mercu Ko-Kurikulum. Bertempat di Kafeteria, Kampus Industri Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyaksikan program yang amat bermakna khususnya kepada pelajar UTeM.

Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan yang menjadi tetamu kehormat dalam majlis tersebut telah tiba di lokasi pada jam 2010. Ketibaan beliau telah disambut oleh pegawai-pegawai kanan universiti, para tetamu, warga PBPI dan para pelajar. Pasukan silat yang telah beraksi dengan aksi kepahlawanan dipertontonkan seurus selepas ketibaan Naib Canselor.

Objektif diadakan Hari Mercu ini ialah:

- Untuk mempamerkan bakat dan keterampilan pelajar terutamanya dalam kemahiran merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti seperti menganjurkan pameran dan menyalurkan maklumat berkaitan hasil pengajaran dan pembelajaran dalam ko-kurikulum
- Menjadikan platform ini sebagai acara kemuncak di mana para pelajar menjalinkan hubungan dan kerjasama antara setiap kursus ko-kurikulum yang dilaksanakan di UTeM
- Menjadi salah satu kaedah bagi menilai tahap kreativiti dan komitmen para pelajar dalam bidang ko-kurikulum
- Menggalakkan dan menyuburkan integrasi pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan negeri kelahiran yang membantu meningkatkan suasana harmoni di kalangan pelajar UTeM.
- Menjadikan platform ini sebagai satu majlis aktiviti tahunan bagi pelajar dan menyediakan ruang kepada pelajar melestarikan dan mempamerkan amalan Kemahiran Insaniah (KI).



Ucapan daripada Pengarah Program telah mendahului acara pada majlis tersebut sebelum disusuli oleh Dekan PBPI, Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Dora. Datuk Ismail turut menyampaikan ucapan pada malam tersebut. Selesai ucapan daripada Naib Canselor, persembahan montaj dan beberapa persembahan dan pertunjukan daripada kumpulan Cak Lempong, Taekwando, Pidato BM, Nasyid, Silat, Gamelan, Koir, Karate-Do dan Senamrobik telah dipertontonkan kepada para hadirin.

Majlis tersebut telah berakhir kira-kira jam 2330 setelah penyampaian hadiah disampaikan oleh Naib Canselor kepada barisan pemenang.

